

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 13 FEBRUARI 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 3

Buka sempadan penting pacu ekonomi

Buka sempadan penting pacu ekonomi

Jeli: Pembukaan sempadan negara adalah penting untuk pemulihian ekonomi, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Beliau berkata, ekonomi tidak akan pulih sepenuhnya sekiranya sempadan negara masih tidak dibuka.

"Bagaimanapun, jika sempadan negara dibuka seperti diumumkan beberapa negara lain, ia perlu disusuli prosedur operasi standard (SOP) yang ketat supaya tidak berlaku peningkatan kes COVID-19.

"Cadangan pembukaan sempadan negara dibuat Majlis Pemulihian Negara (MPN) dan perkara ini sudah sampai kepada kerajaan.

"Jadi, kerajaan akan membuat

keputusan berhubung perkara itu kerana pembukaan sempadan amat penting dan beberapa negara sudah membuat pengumuman," katanya selepas Majlis Perayahan dan Perasmian Projek Membina Jalan dari Chedok ke Nibong, di sini, semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dilaporkan berkata, cadangan pembukaan sempadan negara sepenuhnya tanpa keperluan kuarantin wajib seawal 1 Mac depan tidak dapat dilaksanakan.

Katanya, ia memandangkan belum ada perbincangan antara Kementerian Kesihatan (KKM) dan Mesyuarat Kuartet Menteri COVID-19 untuk memutuskan perkara itu.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Nege-

ri dan Ketenteraman Awam (KDNKA) Bukit Aman, Datuk Hazani Ghazali, berkata polis akan meningkatkan pemantauan pematuhan SOP bagi memutuskan rantai COVID-19 jika sempadan Malaysia dibuka bulan depan.

Beliau berkata, polis sentiasa bersiap siaga menghadapi sebarang kemungkinan, termasuk jumlah kemasukan pelancong yang ramai.

"Sudah tentu kita bersedia jika sempadan negara dibuka nanti, namun Perdana Menteri menyatakan perkara itu perlu dikaji terlebih dulu.

"Kita akan menyokong setiap keputusan kerajaan. Berkaitan isu keselamatan kesihatan rakyat, kita akan teruskan dan tingkatkan pemantauan dari se-

masa ke semasa," katanya.

Selasa lalu, MPN bersetuju dengan cadangan Malaysia membuka sepenuhnya sempadan negara tanpa keperluan kuarantin wajib, seawal 1 Mac depan.

Pengerusi MPN, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, pembukaan sempadan kepada semua negara itu perlu dilaksanakan secara terancang dan berdasarkan penilaian risiko semasa.

Mengulas peningkatan kes COVID-19, Hazani berkata, pasukan pematuhan SOP akan memantau, terutama di kawasan tumpuan ora Ng awam pada hujung minggu.

"Kita ada pasukan pematuhan, mereka melihat aspek SOP seperti pemakaian pelitup muka dan penjarakan fizikal," katanya.